

Kelestarian Turath Bahasa Arab Di Pondok-Pondok Sebagai Pemangkin Tradisi Ilmu (Satu Tinjauan Awal Literatur)

The Sustainability of Arabic Turath in the Pondok as A Catalyst for The Tradition of Knowledge (An Initial Review of the Literature)

Khairatul Akmar Bin Abd Latif¹, Mohammad Rofian Bin Ismail², Ahmad Redzaudin Bin Ghazali³, Nur Syahirah Bt Zulkapeli⁴

ABSTRAK

Kelestarian ilmu bahasa Arab di pondok-pondok mempunyai hubungan yang kuat di antara teknik pengajaran yang dipraktikkan oleh guru mereka serta kitab turath bahasa Arab yang digunakan. Sistem pengajian di pondok sememangnya antara satu wadah bagi menjaga kelestarian ilmu bahasa Arab. Penelitian kajian ini bertujuan untuk memperoleh pemahaman mengenai sumbangan kitab-kitab turath bahasa Arab dalam memastikan kelestarian ilmu bahasa Arab di pondok-pondok melalui pengajian kitab turath bahasa Arab. Fokus kajian ini dilakukan terhadap jenis-jenis kitab turath yang digunakan serta bagaimana amalan dan teknik yang digunakan dalam pengajian sistem pondok agar ianya dapat membantu para pelajar dalam memahami setiap subjek pembelajaran mereka dalam semua bidang pengajian Islam seperti ilmu Feqah, Usuluddin dan Tasawuf. Proses mendapatkan maklumat dalam kajian ini menggunakan instrumen kajian kaedah temubual. Prosedur analisis data bermula dengan proses coding melalui tema yang telah ditentukan sebelum temubual dilaksanakan dengan peserta kajian. Seterusnya dinilai frekuensi data setiap tema yang diperolehi untuk menentukan kedudukan setiap maklumat yang dikaji dari ciri-ciri kitab turath bahasa Arab di pondok-pondok, teknik penilaian yang digunakan oleh guru-guru pondok bagi memastikan kefahaman pelajar, kaedah dan amalan pengajaran bahasa Arab di pondok-pondok. Dapatan bakal melihat jenis kitab turath yang digunakan, bagaimana guru-guru pondok menggunakan teknik & kaedah dan amalan serta penilaian kefahaman bagi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kitab turath yang dilakukan.

Kata kunci: kelestarian, sumbangan, kitab turath, sistem pondok

¹ Khairatul Akmar Bin Abd Latif, PhD, Jabatan Pengajian Bahasa & Linguistik, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, khairatulakmar@kuis.edu.my

² Mohammad Rofian Bin Ismail, Jabatan Pengajian Bahasa & Linguistik, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, mohdrofian@kuis.my

³ Ahmad Redzaudin Bin Ghazali, Jabatan Pengajian Bahasa & Linguistik, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, redzaudin@kuis.edu.my

⁴ Nur Syahirah Bt Zulkapeli, Master, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, nursyera58@gmail.com

ABSTRACT

The sustainability of Arabic language knowledge in the pondoks has a strong relationship between the teaching techniques practiced by their teachers as well as the Arabic turath books used. The education system in the pondok is indeed one of the means to maintain the sustainability of Arabic language knowledge. The purpose of this study is to gain an understanding of the contribution of Arabic turath books in ensuring the sustainability of Arabic language knowledge in the pondoks through the study of Arabic turath books. The focus of this study is on the types of turath books used and how the practices and techniques used in the study of the pondok system so that it can help students in understanding each of their learning subjects in all areas of Islamic studies such as fiqh, usuluddin and tasawuf. The process of obtaining information in this study uses the research instrument of the interview method. The data analysis procedure began with a coding process through a pre-determined theme before interviews were conducted with study participants. Next, the frequency of data of each theme obtained was evaluated to determine the position of each information studied from the characteristics of the book of Arabic turath in the pondoks, assessment techniques used by pondok teachers to ensure students' understanding, methods and practices of teaching Arabic in the pondoks. The findings will look at the type of kitab turath used, how the teachers of the pondok use techniques and methods and practices as well as comprehension assessment for the implementation of teaching and learning of the book turath is done.

Keywords: *sustainability, donations, turath book, pondok system*

Pengenalan

Sistem pengajian di pondok jika dibandingkan zaman kini dengan pengajian pondok yang dilalui generasi terdahulu menunjukkan tidak terdapat banyak perubahan yang berlaku. Walaupun zaman kini sedang menuju ke arah perubahan globalisasi yang kian mencabar dari pelbagai sudut mereka tetap sama mengekalkan sistem pengajaran yang sama. Hal ini kerana sistem pengajian di pondok tidak banyak perubahan yang ingin dilakukan kerana sistem yang digunapakai masih mampu melahirkan cendekiawan ilmu agama yang ramai. Jadi mesti terdapat perkara-perkara yang mereka gunakan dalam teknik & amalan pengajaran guru-guru di pondok yang harus kita ketahui. Guru-guru di institusi luar juga perlu sentiasa menambah ilmu pengetahuan untuk meningkatkan profesional diri supaya mereka berada pada tahap yang bersesuaian dalam mendidik pelajar. Setiap perubahan yang dibuat akan menjadikan sistem pendidikan akan lebih cemerlang dan sekaligus kelestarian ilmu bahasa Arab dapat dijaga dengan baik.

Lantaran itu, sistem pendidikan moden dan sistem pondok juga boleh saling melengkapi kelebihan & kekurangan yang ada. Ianya bukan mencari kekurangan tetapi lebih kepada saling berkongsi kelebihan yang ada untuk sama-sama dimanfaatkan demi mendidik

anak bangsa dan juga kelestarian ilmu. Seperti pengajian di pondok, sekiranya terdapat kekurangan dari segi melahirkan pelajar yang hanya fokus kepada satu bahagian sahaja, maka dicadangkan juga sistem pondok boleh membuat penambahbaikan iaitu tidak lagi hanya melahirkan pelajar yang cemerlang akademik dan sahsiah diri tetapi juga dalam pelbagai bahagian seperti mempunyai pelbagai kemahiran, pengetahuan yang meluas, motivasi yang tinggi, sifat kepemimpinan dan mahir dengan teknologi yang kian berkembang pada masa kini seiring dengan kehendak keperluan pekerjaan masa kini supaya dunia luar tidak memandang rendah terhadap pengajian di sekolah-sekolah pondok. Akan tetapi, setiap perubahan atau peningkatan yang ingin dilakukan di dalam sistem pengajian di pondok memerlukan persediaan yang mantap dan komitmen daripada pelbagai pihak terutama pihak pengajar di pondok supaya setiap objektif yang ingin dicapai akan berjaya dan berkesan.

Menurut Cuprhy dan Hogan (2006), guru perlu diberikan sokongan kerana setiap kejayaan dan kecemerlangan sesebuah sekolah bukanlah ditentukan oleh keberkesanan tindakan pengetua sahaja. Tetapi keutamaan yang paling penting perlu diberikan kepada guru ialah dari segi kursus, motivasi, sumber rujukan, kaedah pengajaran yang berkesan dan bimbingan penyeliaan pengajaran kerana guru adalah faktor penting dalam sistem pendidikan dan merupakan pelaksana kepada matlamat dan dasar yang dihasilkan dan penggerak utama kepada pelaksana.

Tuntasnya, setiap perubahan yang diinginkan memerlukan komitmen dari pelbagai sudut terutama para pengajar. Sekiranya kaedah dan kitab yang digunakan oleh pengajar pondok bersesuaian, ianya akan memberi kesan positif kepada penyampaian ilmu yang disampaikan. Guru-guru di pondok masih kekal menggunakan teknik & kaedah dan amalan tradisional yang sama sejak dahulu lagi iaitu sejak turun temurun menyebabkan setiap pelajar yang mengikutinya mudah untuk diikuti, dipelajari dan sebagainya. Maka, kitab dan kaedah pendekatan yang digunakan oleh guru masih menggunakan kaedah tradisional dalam proses penyampaian dengan dunia kini membawa keberhasilan yang cemerlang.

Seterusnya, para pengajar amat memerlukan bimbingan dan sokongan oleh pihak pengurusan penyeliaan pengajaran dalam memberi bimbingan dan galakan dalam membantu mereka menggunakan bahan bantu mengajar yang terkini termasuk penggunaan komputer dalam pengajaran harian mereka. Galakan pihak pengurusan terutama pengetua ialah dari segi kebajikan yang diharapkan atau diterima daripada majikan (pengetua) atau organisasinya dan kepercayaan seseorang pengajar untuk mendapat sumbangan telah diperkatakan oleh Eisenberger, Huntington, Pondokchison dan Sowa (1986). Empat cara pengetua dalam

memberi sokongan yang kerap ditunjukkan adalah dalam bentuk keadilan, ganjaran organisasi, sokongan dan keadaan kerja.

Secara ringkasnya, dorongan dan galakan pengajaran yang diberikan oleh pihak pengurusan akan memberi kesan selepas guru mendapat sokongan dan galakan yang sepatutnya diterima. Seperti pihak pentadbir pondok membantu guru dalam meningkatkan prestasi kerja yang baik terhadap tugas mereka dan juga dapat meningkatkan kompetensi diri mereka. Maka, jelas menunjukkan peranan pihak pentadbir di pondok sangat diperlukan oleh organisasi kerana para pengajar mainkan peranan yang amat penting dalam meningkatkan prestasi pelajar dan juga membantu kelestarian ilmu bahasa Arab di pondok-pondok kekal relevan dengan zaman kini.

Latar Belakang Kajian

Sistem pengajian di pondok merupakan pendidikan yang amat penting dalam kehidupan masyarakat Melayu sejak puluhan tahun yang lalu. Hal ini kerana sistem pendidikan di pondok juga memberi kesan yang signifikan kepada masyarakat Melayu demi melestarikan kitab-kitab turath yang digunakan dalam sistem pengajian mereka dan dalam masa yang sama sistem pengajian di pondok antara sistem pengajian yang terbukti menunjukkan impak positif terhadap keperibadian pelajar dan mengurangkan risiko masalah sosial remaja ialah pengajian turath atau disebut sebagai sistem pondok (Noornajihan, Zulkiple & Siti Rugayah 2017; Rizky 2017). Hal ini menunjukkan sistem pengajian di pondok amatlah penting untuk generasi akan datang tetapi perlu diperbaiki sedikit kekurangan yang ada.

Luqman Yusuf (2000) menjelaskan melalui sistem pengajian ini masyarakat Melayu akan lebih memahami hukum hakam, akidah dan masalah-masalah yang berhubung dengan Islam. Secara keseluruhan, asas yang dimiliki oleh institusi pondok di Alam Melayu ialah: 1) memiliki manhaj yang jelas iaitu akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (Asha'irah dan Maturidiyyah), 2) sukatan pelajaran di pondok mesti berpaksikan kepada kitab-kitab turath peninggalan ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah, 3) menerapkan sistem tradisional dalam mendidik murid seperti hafazan, talaqqi dan waktu yang panjang, 4) menjulang tinggi pentingnya ilmu alat seperti Nahu, Soraf, Usul Fiqh, Mantiq, ilmu Hadis, ilmu al-Quran dan lain-lain (Ayman 2021). Kewujudan sistem pengajian pondok bermula daripada abad ke 18 sehingga abad ke 20 (S. Ishak & Shafie, 1998). Perkara ini sudah cukup terbukti bahawa sistem pengajian di pondok ini amatlah baik dan perlu diteruskan dengan membuat penambahbaikan yang lebih bersesuaian mengikut peredaran zaman demi membantu melestarikan turath bahasa Arab dapat disebarkan ke seluruh pelusuk dunia.

Kelestarian turath bahasa Arab itu dapat dijalankan dengan berkesan apabila setiap pihak yang bertanggungjawab terutamanya para pengajar dapat menjalankan pengajaran dan pembelajaran dengan baik mengikut teknik pengajaran yang benar. Kelestarian turath bahasa Arab itu bergantung kepada sejauhmanakah tenaga pengajar menyampaikan ilmu itu berdasarkan pelbagai faktor contohnya bimbingan yang diberikan kepada tenaga pengajar, persediaan tenaga pengajar, kaedah pemantauan, teknik penilaian murid yang digunakan dan sebagainya. Hal ini amatlah penting dalam kelestarian sesuatu ilmu terutama apabila dunia kini yang kian berdaya maju, ianya amat memerlukan satu perubahan yang baru supaya pendidikan di pondok tidak lagi berada di takuk lama agar dapat menarik lebih ramai lagi anak muda untuk belajar menerusi sistem pengajian di pondok.

Seterusnya antara kompenan baru dalam dunia pendidikan ialah pendidikan abad ke-21 (PAK21). Perkara ini sangat tinggi komitmen yang perlu diberikan dalam kalangan para pengajar untuk dipraktikkan dalam sistem pengajaran di pondok. Para pengajar mestilah berupaya menjadikan pelajar mereka di pondok berkebolehan yang pelbagai sering dengan kehendak dunia kini. Objektif utama para pengajar adalah untuk melestarikan kitab turath bahasa Arab dan dalam masa yang sama, mereka perlu melahirkan pelajar yang mampu menyelesaikan masalah dengan fikiran yang kreatif dan berinovatif secara kritikal dalam pelbagai situasi. Pendidikan era abad ke-21 ini lebih kepada ingin melahirkan generasi yang berkebolehan dalam mencapai peluang pekerjaan yang lebih menekankan kepada kebolehan pelajar yang mampu berkolaborasi, menyelesaikan masalah dan sebagainya. Perkara ini hanya untuk memberi persediaan kepada mereka dan dapat memberikan kesan yang positif terhadap diri pelajar itu sendiri pada masa hadapan mereka.

Sistem pengurusan yang mantap akan menjadikan setiap perubahan yang ingin dijalankan akan dapat dilaksanakan dengan baik dan mendapat sambutan yang menggalakkan. Di samping, apabila sesuatu tindakan dan kesediaan yang diberi dengan jelas dan mengikut panduan yang sebenar akan mendatangkan hasil dan mencapai objektif yang dikehendaki. Tetapi sekiranya tidak, ia akan memberi kesan yang kurang begitu berkesan kepada sistem pengajian dan akan terus kekal berada di takuk yang lama. Dalam mencapai objektif kelestarian kitab turath bahasa Arab, semua tenaga pengajar perlu diberikan perhatian yang baik terutama menyediakan program pembangunan profesionalisme yang akan membantu mereka meningkatkan kompetensi diri mereka dan juga kemahiran penyeliaan pengajaran dalam memberikan bimbingan dan kaedah penilaian murid yang bersesuaian untuk digunakan.

Setiap sesi pengajaran yang dijalankan di dalam kelas perlu diberi perhatian untuk

membantu mereka meningkatkan mutu pengajaran mereka untuk lebih cemerlang. Begitu juga terhadap tenaga pengajar kitab turath bahasa Arab, mereka perlu diberi bimbingan dan dorongan. Bagaimana mereka mampu meningkatkan teknik pengajaran dan pembelajaran, tetapi penyeliaan pengajaran yang dibuat terhadap mereka tidak membantu mereka dalam meningkatkan kompetensi pengajaran mereka. Dimensi-dimensi seperti kompetensi pedagogi, sosial, peribadi dan profesional adalah kompetensi yang perlu ada pada seorang guru untuk menjadi seorang guru yang berkompentensi yang diperkatakan oleh Tjahjani Prawi Towati dan Tati Suryani Lutfi (2011).

Antara faktor yang memberi kesan terhadap pencapaian murid ialah kompetensi pengajaran. Hal ini kerana kompetensi pengajaran guru menunjukkan tahap prestasi kecemerlangan sesebuah sekolah. Menurut kajian Shahril Marzuki (2005) dalam kajiannya dengan menggunakan model oleh Salvin (1994) iaitu model pengajaran berkesan, menunjukkan bahawa pengajaran dan pembelajaran perlu diajar dengan mengikut teknik dan aras yang bertepatan dengan tahap, kebolehan, dan keupayaan murid, adalah ciri yang perlu ada pada seorang guru yang mempunyai kompetensi pengajaran yang berkesan.

Berdasarkan keputusan kajian oleh Sharil Marzuki tersebut menunjukkan pentingnya seorang guru untuk mengetahui teknik dan kemahiran yang bersesuaian dengan tahap kebolehan seorang murid atau tahap kebolehan mengikut kelas semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Kesimpulannya, pelaksanaan program ataupun kursus pembangunan profesionalisme guru dan pihak pentadbir perlu diteruskan dan mengikut perubahan zaman kerana ia merupakan satu amalan yang penting untuk mempertingkatkan amalan profesionalisme perguruan dalam kalangan guru bagi membekalkan mereka dengan kemahiran-kemahiran bagi membolehkan mereka mengajar dengan lebih berkesan di dalam kelas dan pihak pentadbir perlu menjalankan penyeliaan untuk mendapatkan pengajaran yang lebih berkesan.

Oleh hal yang demikian, demi mencapai hasrat untuk melestarikan kitab turath bahasa Arab, ia amat memerlukan persediaan yang begitu mantap dari segi kursus, program pembangunan yang bersesuaian, pengurusan, kepimpinan, dan sumber rujukan yang berpengetahuan dan pelbagai faktor yang perlu ditekankan agar segala hasrat untuk memperkembangkan sepenuhnya potensi individu dan memenuhi aspirasi negara maju dan membangunkan sistem pendidikan pengajian pondok kekal berkualiti dan bertaraf dunia.

Peranan Guru Sebagai Guru Pengajian Pondok

Seperti sedia maklum bahawa guru merupakan pelaksana utama yang penting di sesebuah institusi pengajian. Oleh sebab itu, pemilihan guru yang bagus juga akan mempengaruhi pencapaian institusi tersebut sama ada dari segi akademik dan sahsiah pelajar. Dapatan menunjukkan bahawa antara peranan guru yang diketengahkan oleh para pengkaji ialah guru sebagai pelaksana kurikulum (Nursyamsi 2018; Agustini 2018; Kamarul et al. 2012), fasilitator (Dorlan 2018; Hendra 2017), motivator (Mitro 2017; Ahmad Idzhar 2016; Sumiati 2018; Hendra 2017) dan pembentuk sahsiah pelajar (Yakcop & Chua 2017; Tan, Rahimah & Zuraini 2015; Iman Syahid 2015; Asnuurien Najma & Azlin Nurhaini 2013; Mohamad Khairi & Asmawati 2010)

Oleh itu, peranan guru adalah satu peranan yang sangat penting dalam mendidik anak bangsa yang dahagakan ilmu. Maka guru perlu mengetahui bahawa peranan mereka adalah begitu besar dalam keberhasilan seseorang murid. Menurut Ahmad Sopian (2016) bahawa peranan guru boleh dirumuskan kepada empat yang utama iaitu mendidik, membimbing, mengajar dan melatih. Noornajihan dan Zetty Nurzuliana (2015) pula telah menyenaraikan pandangan sarjana Islam terkemuka tentang elemen kualiti guru pendidikan Islam sebagai murabbi. Sebagai murabbi, seorang guru perlu mempunyai elemen pemikiran rabbani, penguasaan ilmu agama dan pengamalannya, kemahiran-kemahiran dalam pengajaran dan kesempurnaan sahsiah. Terdapat empat peranan guru iaitu:

1. Pelaksana kurikulum

Sebagai pelaksana kurikulum, guru perlu menonjolkan ciri kreatif, inovatif, profesional, kecerdasan interpersonal dan kecerdasan intrapersonal sehingga dapat mewujudkan komunikasi yang kondusif dengan para pelajar dan semua pihak ke arah mencapai matlamat pembelajaran itu sendiri (Nursyamsi 2018). Hubungan yang baik ini menjadi faktor utama kepada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam (Kamarul et al. 2012) dan juga menyumbang kepada motivasi belajar para pelajar sendiri (Dorlan 2018).

2. Fasilitator

Sebagai fasilitator, guru juga bertindak sebagai agen yang membantu pelajar untuk mengenali, memahami dan berhadapan dengan dunia mereka. Maka, guru bukan sahaja memberi perhatian kepada hubungan dengan pelajar, bahkan turut menjalin hubungan baik dengan ibubapa. Sebagai fasilitator, guru perlu mempunyai penampilan menarik dan sentiasa bersedia

untuk beradaptasi dengan perubahan semasa supaya potensi pelajar dapat dikembangkan dengan sebaiknya (Hendra 2017). Sehubungan itu, Muhammad Anasrulloh (2018) mencadangkan agar para guru didedahkan dengan budaya ilmiah melalui metodologi penulisan akademik yang diamalkan oleh universiti-universiti.

3. Motivator

Guru merupakan golongan yang paling hampir dengan pelajar, mereka mempunyai ruang dan peluang yang sangat besar untuk mendekati pelajar serta menanamkan semangat serta motivasi kepada pelajar sama ada dari segi akademik mahupun sahsiah. Bagi tujuan ini, pelbagai pendekatan boleh dilakukan oleh guru seperti mewujudkan pembelajaran secara kreatif. Guru juga perlu memahami kepelbagaian potensi pelajar, menghayati peranan sebagai guru (Mitro 2017), menggalakkan pembelajaran di luar kelas, memberikan nasihat, perhatian, pujian dan ganjaran, juga memberi teguran kepada pelajar yang lemah (Sumiati 2018; Hendra 2017). Guru juga perlu mempelbagaikan pendekatan pengajaran dan tidak terikat dengan peperiksaan bagi merangsang kreativiti para pelajar (Mohamad Mohsin & Nasrudin 2008; Norhisham 2018).

4. Pembentuk sahsiah pelajar

Sebagai pembentuk sahsiah pelajar, guru perlu mempunyai sikap kompeten dengan mempamerkan personality terbaik seperti mudah didekati, mesra pelajar, tekun dalam melaksanakan tugas, bersedia dalam mengajar dan tidak pilih kasih terhadap pelajar (Asnuurien Najma & Azlin Nurhaini 2013; Yakcop dan Chua 2017; Tan, Rahimah & Zuraini 2015) serta peka terhadap keperluan pelajar (Tan, Rahimah & Zuraini 2015; Mohamad Khairi & Asmawati 2010). Selaku perancang, pengelola, pengarah dan penilai pembelajaran, guru seharusnya sentiasa menunjukkan contoh teladan kerana para pelajar mudah mentafsirkan segala tindakan guru (Iman Syahid 2015; Mohamad Khairi & Asmawati 2010).

Tradisi Kitab Turath/Kuning Di Pondok

Sejarah kitab kuning sebenarnya mempunyai kaitan yang erat dengan tradisi kehidupan para pelajar di pondok. Kerana di sanalah, kitab kuning diajarkan, dibedah dan dikaji secara mendalam. Sedangkan pondok itu sendiri sebagai lembaga pendidikan yang berbasis pengajaran agama Islam.

Gurulah yang mengajarkan kitab-kitab kuning kepada para pelajar pondok. Tentu saja

guru sebagai mediator atau translator bagi para pelajar pondok agar mudah difahami dan dihayati oleh mereka. Umumnya, kitab kuning yang digunakan adalah kitab yang ditulis sejak abad pertengahan, iaitu sekitar abad XII sampai XVI Masehi.

Jenis-jenis kitab kuning sendiri pun berbagai dan berbeza. Kitab mu'tabarrah dalam lingkungan Ahlu Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) akan digunakan seperti kitab Taqrib, Fathul al Qorib, Safinaal Najjah biasanya diajarkan kepada para pelajar yang masih baru. Ada pun kitab lain, seperti kitab Feqah lanjutan seperti Mughni, Kifayah al-Akhyar dan kitab-kitab tauhid seperti Muqadimatul Kubra dan masih banyak lagi, diajar kepada para pelajar lama yang sudah mempunyai kemahiran pengetahuan yang lebih baik.

Sejarah kitab kuning itu sendiri tidak akan lestari jika tidak ada sistem pengajian pondok. Pondok merupakan transformasi muatan kitab kuning. Dengan kata lain, pondok sebagai penerus tradisi keilmuan Islam klasik yang berperanan besar dalam pembangunan ilmu dan sahsiah masyarakat. Tulang belakang perjalanan pondok, memiliki peranan besar dalam transformasi ilmu yang merupakan sosok gurunya itu sendiri. Tanpa guru, isi kitab kuning tidak dapat difahami dengan jelas, kerana setiap kitab kuning amat memerlukan penterjemahan yang biasanya dihuraikan dengan bahasa yang lebih mudah difahami serta dikaitkan dengan kehidupan seharian

Tradisi belajar kitab turath (kitab kuning) inilah yang secara tidak langsung sudah menjadi tradisi dalam sistem pengajian pondok. Realitinya, kitab turath masih relevan bagi menjaga kelestarian ilmu bahasa Arab serta ilmu Islam yang lain. Hal ini dapat dilihat dari alumni pondok yang telah berhasil menyemarakkan gelombang intelektual yang lebih aktif ke hadapan dalam menjawab isu-isu semasa di media-media sosial.

Cadangan Objektif Kajian Penuh

- I. Mengenalpasti kitab-kitab turath yang digunakan serta kaedah pengajaran bahasa Arab menggunakan kitab-kitab turath oleh guru-guru pondok.
- II. Mengenalpasti cara bagaimana guru-guru pondok memastikan pelajar mereka memahami ilmu bahasa Arab yang diajar menggunakan kitab-kitab turath.
- III. Mencadangkan jalinan kerjasama yang boleh diketengahkan antara intitusi pondok dengan pusat-pusat pengajian tinggi di Malaysia.


Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konsep kajian berasaskan standard kualiti penilaian guru malaysia (SKPMG2) bagi menilai tahap kompetensi guru. SKPMG2 dilancarkan untuk dijadikan rujukan dan panduan

bagi meningkatkan kualiti guru dengan menggariskan kompetensi profesional perguruan atau pawaian yang patut dicapai oleh guru dan keperluan yang patut disediakan oleh agensi dan institusi latihan perguruan. Hal ini kerana, perkara tersebut dapat membantu mereka mencapai tahap kompetensi yang ditetapkan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai seorang pendidik bangsa (Unit Perancang Ekonomi, 2010).

SKPMG2 standard 4 menggariskan kepada enam aspek iaitu perancang, pembimbing, pendorong, penilai, guru sebagai pengawal dan murid sebagai pembelajar aktif. Kesemua enam aspek tersebut dijadikan penilaian standard bagi menilai tahap kompetensi guru bagi pembelajaran dan pemudahcara di dalam kelas semasa sesi pembelajaran dijalankan dan dapat melihat kualiti seorang guru tersebut. Akan tetapi di dalam kajian ini, pengkaji hanya mengambil empat aspek sahaja dari enam aspek di dalam SKPMG2 standard empat iaitu guru menjadi sebagai pendorong, guru sebagai penilai, guru sebagai pembimbing dan murid sebagai pembelajar aktif.

Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian



Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif berdasarkan permasalahan kajian yang telah dikemukakan. Ini kerana ia memerlukan penelitian menyeluruh daripada data-data yang dikumpulkan seterusnya akan dianalisis sehingga menjawab objektif yang dikehendaki dan bersesuaian dengan konsep yang dikaji. Pendekatan kualitatif ini dipilih bagi membolehkan pengkaji melihat situasi sebenar iaitu aktiviti yang berlaku, dilihat dan dialami dalam suasana yang sebenar dalam persekitaran kawasan kajian (Yin, 1994).

Peserta Kajian

Dalam kajian ini, informan atau peserta kajian adalah seramai empat orang. Dalam kajian kualitatif jumlah peserta adalah kecil, maka untuk memahami fenomena yang dikaji, peserta

kajian mestilah bertujuan dan bersesuaian untuk dipilih sebagai peserta kajian (Merriam 2015). Peserta kajian merujuk kepada mereka yang diminta memberi fokus kepada fakta-fakta berdasarkan soalan temu bual yang memerlukan seseorang itu membina semula pengalaman secara aktif dalam konteks mereka berada (Seidman 1998). Tujuan pemilihan peserta kajian adalah untuk memberi gambaran daripada pelbagai sudut untuk fenomena yang dikaji (Barbour 2007). Jadual 1.1 di bawah menunjukkan bilangan guru yang menjadi peserta dalam kajian ini.

Jadual 1: Cadangan Bilangan Guru Pondok Mengikut Zon

Bil	Zon	Guru Pondok
1	Melaka	1
2	Selangor	1
3	Kedah	1
4	Kelantan	1
JUMLAH		4

Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan mengikut pondok yang telah disepakati sebelumnya. Penentuan pilihan tempat kajian merupakan hal yang mustahak bagi kejayaan sesebuah kajian. Dalam pemilihan tempat kajian perlu mengambil kira sifat dan keperluan kajian bagi memastikan tempat yang dipilih tidak membataskan apa yang ingin dikaji (Jorgensen 1989).

Tatacara Pengumpulan Data

Penyelidikan ini menggunakan teknik pengumpulan data secara temu bual tidak berstruktur. Secara keseluruhannya, penyelidikan ini mendapatkan data melalui temubual yang dilakukan kepada guru-guru pondok yang dipilih secara *purposive sampling* mengikut pembahagian zon di negara Malaysia. Pengkaji perlu untuk menyesuaikan diri, berkebolehan berinteraksi, berkemampuan membuat interpretasi, melakukan analisis serta peka dengan fenomena yang berlaku di persekitarannya (Elly et al. 1998).

Kepentingan Kajian

Merujuk kepada pernyataan masalah, objektif dan persoalan kajian yang telah digariskan

sebelum ini, berikut dikemukakan kepentingan kajian ini kepada beberapa perkara iaitu:

- i. Dapat membantu tenaga pengajar di institut lain menerapkan teknik pengajaran dan amalan yang berkesan dalam pengajian agar objektif kelestarian ilmu kitab turath bahasa Arab itu tercapai.
- ii. Menganjurkan kursus-kursus yang berkaitan teknik amalan pengajaran yang berkesan bersama tenaga pengajar di pondok yang mana kursus-kursus ini dijangkakan akan dapat meningkatkan kefahaman lebih mendalam untuk guru-guru mengajar kitab turath bahasa Arab lebih berkesan di mana-mana institusi.
- iii. Mewujudkan teknik yang bersesuaian, garis panduan, rujukan standard dan keseragaman bagi menjadikan sistem pendidikan bahasa Arab lebih cemerlang pada masa akan datang dan juga meningkatkan profesionalisme seorang guru bahasa Arab di pondok.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa sistem pengajian pondok mampu membentuk akhlak Muslim sebagaimana yang dianjurkan dalam al-Quran. Sistem pengajian pondok yang konsisten, pengurusan dan pentadbiran yang baik, kewangan yang kukuh mampu melahirkan ulama', pentadbir, tokoh-tokoh masyarakat yang disegani dan tokoh politik Islam yang menegakkan kalimah Allah iaitu Islam. Maka, semestinya terdapat teknik & amalan yang digunakan dalam sistem pondok yang mampu melahirkan pelajar yang cemerlang dalam bidang kitab turath, malah mampu melahirkan para ulama' yang disegani. Kita juga harus mengetengahkan barisan tenaga pengajar pondok kepada masyarakat supaya mereka dapat berkongsi teknik & amalan yang sering digunakan dalam pengajaran sistem pondok itu sendiri. Apabila kita dapat mengetahui serba sedikit teknik & amalan yang dipraktikkan oleh mereka, ia akan dapat membantu tenaga-tenaga pengajar yang lain untuk turut sama menggunakan teknik & amalan berkesan untuk mencapai objektif pengajaran yang berkesan dan dapat juga melestarikan kitab turath bahasa Arab tanpa mengira tempat di mana-mana institusi pengajian.

Rujukan

- Abdullah Ishak. (1995). *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Ishak. (1992). *Islam di India, Nusantara dan China*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Abdullah Muhammad Zin (2007). *Pendidikan Islam di Malaysia Dari Pondok Ke Universiti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asma' Wardah Surtahman. (2009). Tuan Guru Hj. Ghazali b. Abdullah : *Sumbangan Dalam Penubuhan Pondok Tunjang, Kelantan Dan Penerbitan Majalah Al-Fununiyah*. Proceeding of Malaysia Conference on Arabic Studies and Islamuc Civilization, 135-150.
- Ghazali Darulsalam & Sufean Hussin. (2016). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan, Amalan dan Analisis Kajian*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Madmarn, H. (2002). *The Pondok and Madrasah in Patani*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Roslan Mohd Nor (2011). *Sejarah dan Perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia*. 6(1).
- Normazidah Mahmood. (2012). *Penggunaan Kaedah Pengajaran Bahasa Arab dalam Kalangan Guru Peringkat Sekolah Rendah: Satu Penilaian*. Tesis Doktor Falsafah Universiti Malaya.
- Nazneen Ismail, Nurzatil Ismah Azizan & Siti Mursyidah Mohd Zin. (2021). *Peranan Guru Pengajian Turath Dalam Pembentukan Sahsiah Pelajar Di Pondok*. Al-Hikmah, 13 (1). pp. 43-71. ISSN 1985-6822.
- Shahrom Yusoff. (2003). *Sistem Pengajian Pondok di Kedah*, Latihan Ilmiah, UKM: Jabatan Syariah.
- Zaharah L . Abdullah. (1977/78). *Pendidikan Pondok di Kalangan Masyarakat Islam di Kedah (1840an - 1957M)*, Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.